

17/10/2003

Delegasi asing anggap ucapan PM amat bermakna

DELEGASI asing yang menghadiri Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 mengakui mesej Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menyampaikan ucapan sebagai pengerusi OIC amat bermakna bagi mengangkat maruah Islam yang terjejas teruk ketika ini.

Delegasi dari Arab Saudi, Abdullah Said, berkata kandungan ucapan Dr Mahathir sangat bernas, terutama gesaan agar umat Islam sama-sama meningkatkan ilmu secara komprehensif tanpa hanya menekankan fardu ain, sebaliknya meliputi fardu kifayah seperti sains dan matematik.

"Apa yang diucapkan beliau amat bermakna kerana umat berilmu akan menjadi umat teladan dan disegani oleh orang lain.

"Dengan ilmu, seseorang tidak mudah dipermainkan, apatah lagi dipatahkan oleh musuh Islam yang sentiasa mencari peluang bagi menghancurkan Islam," katanya kepada Berita Harian.

Beliau berkata, Dr Mahathir adalah wira negara Islam sejak sekian lama berikutan kelantangannya memperjuangkan pelbagai isu yang melanda umat Islam.

Katanya, paling ketara ialah pandangan Dr Mahathir ketika kemuncak penaklukan Iraq yang mengutuk keras pencerobohan tentera asing yang dipimpin Amerika Syarikat ketika pemimpin negara Islam lain masih bertelagah semasa sendiri.

Sementara itu, delegasi Nigeria, Abdulrahim Roouf, berkata saranan Dr Mahathir supaya semua pemimpin negara Islam bersepakat dalam menyuarakan pandangan mengenai kesejahteraan Islam dan umatnya kena pada masanya.

Beliau berkata, isu itu adalah antara masalah asas yang dihadapi kebanyakan negara Islam walaupun mereka bersaudara.

"Saya kira apa yang dikatakan Dr Mahathir perlu dihayati khususnya bagi mengangkat kembali agama suci Islam," katanya.

Delegasi Oman, Mohamad Hassan pula berkata, beliau amat berharap agar Dr Mahathir terus menjadi Pengerusi OIC dan membatalkan niat untuk bersara.

"Ini kerana kewibawaan dan ketokohan Dr Mahathir sangat dihargai dan terbukti banyak membantu menyelesaikan kemelut yang melanda umat Islam," katanya.